

11/07/2001

Barisan Nasional perlu sedia buat perubahan

Kadir Dikoh

SEORANG rakan wartawan veteran membisikkan bahawa masalah besar dihadapi sesetengah pemimpin Barisan Nasional (BN) sekarang ialah terlalu mengagung-agungkan pengorbanan, kejayaan dan jasa kerajaan pada masa lalu apabila berhadapan dengan rakyat jelata.

Mereka tidak habis-habis menasihatkan rakyat supaya jangan lupa jasa pemimpin sekarang dan masa lalu, jasa kerajaan BN dan pengorbanan mereka berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara - dengan mesej supaya rakyat terus menyokong BN dan bukan parti pembangkang yang tiada jasa.

"Habis itu, nak kata apa? Ini fakta sejarah," jawab rakannya yang sudah menjadi Ahli Parlimen sejak tiga penggal lalu. Wartawan veteran itu membalas balik dengan menyatakan bahawa dunia sekarang sudah berubah dan cara meyakinkan rakyat terutama generasi muda perlu diubah kepada pendekatan baru yang disesuaikan dengan perkembangan semasa.

Katanya, pemimpin BN perlu meyakinkan generasi yang lahir selepas merdeka apa rancangan masa depan mereka, keupayaan menangani cabaran masa kini serta dunia teknologi dan maklumat, bukan lagi melaung-laungkan cerita lama zaman menggunakan pelita minyak tanah dan zaman berkayuh basikal.

"Sekarang zaman Internet, bukan lagi zaman menabur wang berjuta ringgit, buat jalan di tengah malam pada waktu pilihan raya kecil. Pacakkan tiang elektrik serta-merta, sambungkan bekalan air serta-merta... ini semua sudah menjadi bahan ejekan anak muda," katanya.

Ahli Parlimen yang sudah berusia 54 tahun itu bersetuju tetapi mengakui hakikat bahawa sukar untuk menarik kedatangan anak muda menghadiri perhimpunan anjuran BN, berbanding majlis anjuran pembangkang sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutama di negerinya di Pantai Timur.

"Itu memang betul. Bukan saja generasi muda, malah orang tua pun suka mendengar ucapan berapi-api pemimpin pembangkang, hentam kerajaan, hentam pemimpin memang seronok dengar.

"Ini naluri biasa manusia. Tetapi sekarang, orang dah bosan dengar retorik kerana akhirnya mereka tidak dapat buat apa untuk kesejahteraan dan pembangunan rakyat.

"Ini kita tidak perlu risau. BN sendiri harus mengubah persepsi anak muda ini. Bila orang mudah lupa, atau Melayu mudah lupa, kita kena ubah cara kita. Jangan terlalu merayu supaya budi dibalas. Turun ke padang, jumpa mereka, berbual dengan mereka. Tapi jangan pakai kereta besar masuk kampung, orang jelek tengok," jawab rakannya.

Perdebatan itu tercetus selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta supaya BN melakukan pendekatan baru dalam ucapan dasarnya pada Konvensyen Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu lalu. Perdana Menteri mahu satu pendekatan yang mengambil kira realiti keadaan masyarakat masa kini.

Pada perhimpunan dihadiri semua 13 pemimpin parti komponen itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN antara lain menyatakan: "Kita tidak boleh berharap dengan kejayaan kita dulu untuk yakinkan mereka bahawa kita adalah parti yang perlu dipilih untuk meneruskan pemerintahan negara ini, sebaliknya kita perlu buktikan kepada mereka kemampuan kita, kekuatan kita dan keupayaan kita pada masa depan.

"Kita mesti rancang pendekatan yang lebih baik supaya dapat menarik sebahagian daripada generasi baru ini untuk terus sokong kita. Saya yakin kalau usaha dibuat secara bersungguh-sungguh, insya-Allah rakyat majoriti

akan menyokong BN. Inilah pendekatan yang harus diambil oleh kita," katanya.

Itulah hakikatnya dan realiti bahawa generasi yang lahir selepas merdeka sudah tidak lagi bersikap berterima kasih kepada kerajaan dan ini harus diterima walaupun dengan hati yang pilu. Menangkan hati mereka dulu. Mereka ini dilahirkan dalam suasana segala-galanya ada.

"Saya hantar anak saya ke sekolah, bila hawa dingin dalam kereta rosak, dah bising. Saya kata, bapa dulu tak pakai kereta ke sekolah. Apa dia jawab? Katanya, itu zaman bapa dulu," kata Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Generasi baru ini tidak kenal penderitaan, tidak tahu susah. Mereka celik mata dan lihat bangunan pencakar langit di sekeliling mereka. Mereka dilahirkan dalam hospital canggih, mereka mudah ke sekolah, dapat biasiswa, pendidikan dan segala kemudahan.

Nescaya mereka melihat dunia yang berbeza sama sekali dengan dunia ketika negara mencapai kemerdekaan. Mereka anggap segala-gala ini adalah perkara biasa. Ia terjadi dengan sendirinya tanpa perlu diusahakan oleh sesiapa.

"Mereka tidak mengiktiraf kejayaan BN membangunkan negara kita ini, sebaliknya ada antara mereka yang berpendapat bahawa mana-mana kerajaan akan berjaya bangunkan Malaysia.

"Inilah kepercayaan generasi yang baru ini, sebab itu kita lihat minat mereka untuk menyokong, untuk menerima prinsip kerjasama ala BN, sudah berkurangan. Mereka tidak lagi percaya kepada kerjasama antara kaum, bahkan mereka lebih utamakan kaum masing-masing," kata Dr Mahathir pada konvensyen BN itu.

Semua hakikat ini perlu direnung oleh pemimpin BN. Malah, di dalam BN sendiri, mereka perlu mewujudkan kerjasama yang lebih jitu, bukan berpadu tenaga apabila ada pilihan raya atau acara tertentu saja tetapi kemudian kelihatan bagaikan membawa haluan masing-masing.

Wakil rakyat keturunan Melayu tidak seharusnya memberi perhatian kepada masalah kaumnya saja. Jengoklah masalah kaum lain dan begitu juga wakil rakyat Cina atau India.

Cara ini jugalah yang diberi penekanan oleh Dr Mahathir yang ingin melihat satu bangsa Malaysia dan satu parti, iaitu BN untuk semua.

Renungilah kata-kata Dr Mahathir pada perhimpunan itu yang antara lain berbunyi: "Kita tidak lagi boleh berharap mereka (generasi muda) berasa berterima kasih kepada BN kerana berjaya membangunkan negara kita ini, berjaya memberikan kehidupan selesa kepada mereka. Kita tidak boleh lagi kata kepada mereka: Kamu sepatutnya berterima kasih kepada BN kerana mereka juga diajar supaya jangan berterima kasih kepada sesiapa yang memberi sesuatu kepada kita."

Orang BN tidak harus bertindak balas secara kasar bagi memenangi semula hati generasi muda ini, sebaliknya perlu mendekati mereka.

Wakil rakyat BN harus lebih kerap bertemu rakyat, berdialog dengan mereka dan bertanya masalah mereka.

Seboleh-bolehnya bermain bola sepak bersama. Tidak salah bagi wakil rakyat untuk minum sekali-sekala dengan orang kampung di gerai tepi jalan. Rakyat bukan nak minta duit tetapi sekadar bersalam pun sudah dianggap OK. Ini tidak harus hanya dilakukan pada musim pilihan raya tetapi sepanjang masa.

"Cara berpakaian pun boleh dijadikan isu. Takkan masuk kampung dalam panas terik nak pakai kot?," kata seorang pemerhati.

"Kadangkala kita serba salah. Pakai kereta besar pun salah, pakai kereta Kancil pun, nanti orang kata apa ni selekeh sangat," kata Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Azimi Daim, ketika berucap pada Perhimpunan Agung Umno tiga minggu lalu.

BN perlu menyelami semua ini dalam keadaan yang mana sentimen atau perasaan masyarakat sudah berubah dan mereka tidak lagi berasa terhutang budi kepada pejuang kemerdekaan, bahkan tidak pun terhutang budi kepada kerajaan yang membangunkan negara ini bagi membolehkan mereka hidup selesa. Pemimpin BN tidak boleh harap kepada sentimen terhutang budi.

Apa yang mereka boleh harapkan ialah apa yang mereka boleh buat dan buktikan kepada rakyat untuk membangunkan negara ini mencapai matlamat Wawasan 2020, menjadikan Malaysia sebagai negara maju, iaitu negara maju yang terus dipimpin oleh BN.

Namun, dalam usaha mengubah pendekatan itu, BN tidak harus lupa soal asas. Tradisi lama BN yang memberi fokus kepada pembangunan asas rakyat wajar diteruskan, kata Presiden Parti Bansa Dayak Sabah (PBDS), Datuk Leo Moggie, ketika memberi ucapan balas di Konvensyen BN itu.

Katanya, meskipun tahap kemajuan negara kini semakin tinggi, keperluan asas seperti rumah kos rendah, kemudahan elektrik, air dan jalan raya, terutama di kawasan luar bandar, tidak harus dilupakan.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, pula berkata kerajaan yang diperintah BN patut memfokus semula Wawasan 2020 dan sembilan cabarannya sejajar dengan matlamat untuk membentuk perpaduan nasional kerana usaha membentuk perpaduan nasional kini menjadi semakin mencabar dan tidak boleh dipandang ringan.

"Satu perubahan sikap perlu dilakukan supaya semua pihak memandang usaha pemupukan perpaduan nasional dilihat sebagai perkara yang perlu dilaksanakan dengan segera.

"Fokus semula terhadap Wawasan 2020 dan sembilan cabarannya perlu dilakukan sebelum rakyat melupakannya. Politik bukan perkauman, misalnya tidak boleh dianggap sebagai matlamat jauh dan tidak boleh dicapai, sebaliknya perlu dilaksanakan segera untuk mengatasi cabaran dan masalah yang dihadapi negara masa kini," katanya.

Lebih menarik apabila Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menyarankan supaya BN bersedia membuat perubahan bagi menghadapi cabaran dalam tempoh 50 tahun akan datang jika mahu terus menjadi relevan kepada rakyat dan peredaran masa kerana kunci kejayaan BN selama ini ialah kesanggupannya membuat perubahan mengikut keperluan semasa dan kehendak rakyat.

"Corak ini perlu diubah supaya pakatan itu dapat terus bertindak dan berfungsi sebagai satu entiti yang mempunyai pendirian sama dalam semua isu dan menangani masalah bukan atas kepentingan parti individu tetapi sebagai agenda bersama BN.

"Pemimpin dan ahli parti komponen BN perlu sentiasa mengadakan perbincangan pada semua peringkat untuk bertukar-tukar fikiran dan pandangan," katanya.

Selagi BN tidak mengubah pendekatan itu, tema konvensyen 'BN sebagai tonggak keutuhan negara' tidak akan membawa makna.

Tahun 2004 akan menguji BN sekali lagi dalam keghairahan gabungan pembangkang untuk menjadi barisan alternatif.

(END)